

TEMASEK JUAL SAHAM ELAK TANGGUNG RUGI:

Penjualan saham bank-bank China milik Temasek Holdings dijangka membantu syarikat pelaburan pemerintah itu daripada menanggung kerugian akibat krisis hutang di Eropah sejak setahun lalu, menurut para pengamat ditinjau *Bloomberg*.

Syarikat itu menjual saham China Construction Bank Corp dan Bank of China Ltd akhir Mac lalu.

Nilai aset Temasek meningkat 3.8 peratus dan mencapai rekod \$193 bilion sehingga Mac tahun lalu.

Temasek biasanya mengumumkan laporan kewangan tahunannya bulan ini.

Pengarah Pusat Dana Perlindungan BNP Paribas di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Melvyn Teo, menjangkakan Temasek akan menghadapi kesukaran meningkatkan pulangan pemegang sahamnya melebihi 4.6 peratus seperti tahun lalu disebabkan krisis hutang di Eropah.